



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI,
TINGKAT 14, 17 & 18,
WISMA BAPA MALAYSIA,
PETRA JAYA
93502 KUCHING,
SARAWAK.

Telefon Am: 082-441957
Kawat : FINANCIAL KUCHING
Teleks : STAFIN MA70023
Fax : 082-442355/313245

Ruj Tuan :

Ruj Kami : SFS/00021/1 SFS-CIRCULARS(P)(11)

Tarikh : 10.08.2018

SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI BIL. 06/2018

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Residen Bahagian

Semua Ketua Badan-Badan Berkanun Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

**TATACARA PEROLEHAN UNTUK
*RURAL TRANSFORMATION PROJECTS (RTP)***

1. TUJUAN

- 1.1 Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang prosedur dan tatacara perolehan terkini yang perlu dipatuhi dan digunakan oleh **Agensi Pelaksana** yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan ***Rural Transformation Projects (RTP)***.
- 1.2 **Agensi Pelaksana** adalah merujuk kepada semua Kementerian / Jabatan / Badan-Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri yang terlibat serta dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek ***RTP***.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri telah melaksanakan ***Rural Transformation Projects (RTP)*** sejak tahun 2015 bertujuan untuk meningkatkan pembangunan fizikal dan sosio-ekonomi penduduk terutamanya di kawasan luar bandar.

2.2 Sehubungan itu, Surat Pekeliling ini dikeluarkan setelah mengambil kira pandangan dan cadangan penambahbaikan daripada Agensi-Agensi Pelaksana serta Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) agar pelaksanaan *Rural Transformation Projects (RTP)* lebih telus, teratur dan efisien.

3. KAEDAH PEROLEHAN

Kaedah perolehan yang digunapakai untuk pelaksanaan projek *RTP* bagi memastikan projek-projek tersebut dilaksanakan dengan segera, telus dan teratur adalah seperti berikut:-

- (a) **Secara Cabutan Undi; dan**
- (b) **Secara Tender Terbuka Khusus Untuk Kontraktor Bumiputera.**

3.1 Secara Cabutan Undi

3.1.1 Had Nilai

Semua perolehan projek *RTP* yang bernilai **sehingga RM 1 Juta** hendaklah dilaksanakan **secara cabutan undi**.

3.1.2 Syarat-Syarat Kaedah Perolehan Secara Cabutan Undi

Syarat-syarat kaedah perolehan secara cabutan undi adalah seperti berikut:-

3.1.2.1 Penyertaan dihadkan kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera tempatan** yang mempunyai pendaftaran masih sah dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Bidang Kerja, Kelas dan Kepala** yang berkaitan di **Daerah** di mana projek berkenaan akan dilaksanakan.

3.1.2.2 **Syarat-syarat penyertaan** seperti had nilai kerja, kelas dan kepala yang dibenarkan adalah seperti berikut:-

Kategori	Had Nilai Kerja (RM)	Kelas yang Dibenarkan	Penyertaan Mengikut Kepala (<i>Head</i>) Pendaftaran
1	RM100,000 dan ke bawah	F	Dibuka kepada Semua Kepala (<i>Head</i>) tanpa mengira skop kerja projek kecuali kerja-kerja pakar (<i>specialised works</i>) seperti kerja-kerja paip, mekanikal dan elektrik
2	Melebihi RM100,000 sehingga RM200,000	F dan EX	
3	Melebihi RM200,000 sehingga RM350,000	EX dan E	Dihadkan kepada Kepala (<i>Head</i>) Yang Berkaitan mengikut skop kerja projek
4	Melebihi RM350,000 sehingga RM750,000	E dan D	
5	Melebihi RM750,000 sehingga RM 1 Juta	D dan C	

***Nota:** Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik syarat-syarat penyertaan cabutan undi hendaklah mengikut had nilai kerja, kelas dan kepala seperti yang ditetapkan oleh UPKJ.

3.1.2.3 Penyenaraian pendek kontraktor dan pengendalian proses cabutan undi hendaklah dibuat oleh **Jawatankuasa Perolehan *Rural Transformation Projects (RTP)***.

3.1.2.4 **Keahlian Jawatankuasa Perolehan *RTP***

Keahlian Jawatankuasa Perolehan *RTP* tersebut di atas adalah seperti berikut:-

Pengerusi

Residen Bahagian

Ahli-Ahli

- Jurutera Bahagian, Jabatan Kerja Raya / Wakil;
- Jurutera Bahagian, Jabatan Pengairan dan Saliran / Wakil; dan
- Agensi Pelaksana yang berkaitan.

Korum

Korum hendaklah sekurang-kurangnya **tiga (3)** orang termasuk **Pengerusi**.

3.1.2.5 **Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Perolehan *Rural Transformation Project (RTP)***

(a) **Menyenarai pendek kontraktor-kontraktor yang layak**

Jawatankuasa Perolehan *RTP* hendaklah menyenarai pendek kontraktor-kontraktor yang layak dan memenuhi syarat-syarat seperti berikut sebelum cabutan undi dibuat:

(i) Mempunyai pendaftaran yang masih sah dengan UPKJ dan memenuhi **syarat-syarat penyertaan** yang ditetapkan. Maklumat terkini senarai kontraktor boleh didapati melalui **Contractor Registration Information System (CoRIS)** yang boleh dicapai di **www.sarawak.gov.my**.

(ii) Memenuhi **Had Minimum Modal** yang ditetapkan seperti berikut:-

Kategori	Had Nilai Kerja (RM)	Kelas	* Had Minimum Modal Yang Diperlukan
1	RM100,000 dan ke bawah	F	RM1,500
2	Melebihi RM100,000 sehingga RM200,000	F dan Ex	RM4,500
3	Melebihi RM200,000 sehingga RM350,000	Ex dan E	RM8,250
4	Melebihi RM350,000 sehingga RM750,000	E dan D	RM16,500
5	Melebihi RM750,000 sehingga RM 1 Juta	D dan C	RM26,250

***Nota:**

1. Modal minimum hendaklah **sama ada** dalam bentuk aset mudah cair iaitu campuran nilai positif purata baki akhir bulan dalam penyata bulanan bank bagi tiga (3) bulan terakhir, deposit tetap atau kemudahan kredit.
2. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik, had minimum modal juga adalah berdasarkan had nilai kerja seperti jadual di atas.
3. Bagi kerja-kerja yang kompleks, maka agensi pelaksana boleh menetapkan had minimum modal yang lebih tinggi dan munasabah daripada nilai yang dinyatakan di dalam jadual di atas.
4. Kontraktor yang layak menyertai cabutan undi lebih dari satu projek, maka **had minimum modal yang sama** boleh digunakan sebagai asas untuk proses cabutan undi seterusnya pada sesi/siri cabutan undi yang sama.

Contoh Pertama

Penetapan jumlah minimum modal yang diguna pakai untuk kontraktor yang layak menyertai cabutan undi **lebih dari satu (1) projek** dalam **Kategori yang sama** adalah seperti berikut:

Bil.	Projek	Kos Projek (RM)	Kategori	Had Minimum Modal Berdasarkan 3.1.2.5 (a)(ii) (RM)
1.	Membina Bangunan	90,000.00	1	1,500.00
2.	Menaik taraf Jalan	95,000.00	1	1,500.00
3.	Menaik taraf Jalan	98,000.00	1	1,500.00
Jumlah keseluruhan				4,500.00

Bagi kontraktor yang layak untuk menyertai cabutan undi untuk ketiga-tiga projek tersebut di atas maka, jumlah minimum modal yang diperlukan ialah **RM1,500.00 sahaja** dan bukannya berdasarkan jumlah keseluruhan iaitu RM4,500.00.

Contoh Kedua

Penetapan jumlah minimum modal yang diguna pakai untuk kontraktor yang layak menyertai cabutan undi **lebih dari satu (1) projek** dalam **Kategori yang berlainan** adalah seperti berikut:

Bil.	Projek	Kos projek (RM)	Kategori	Had Minimum Modal Berdasarkan 3.1.2.5 (a)(ii) (RM)
1.	Membina Bangunan	90,000.00	1	1,500.00
2.	Menaik taraf Jalan	95,000.00	1	1,500.00
3.	Menaik taraf Jalan	150,000.00	2	4,500.00
4.	Menaik taraf Jalan	160,000.00	2	4,500.00
Jumlah keseluruhan				12,000.00

Bagi kontraktor yang layak untuk menyertai cabutan undi untuk keempat-empat projek tersebut di atas maka, jumlah minimum modal tertinggi hendaklah digunapakai iaitu **RM4,500.00 sahaja** dan bukannya berdasarkan jumlah keseluruhan iaitu RM12,000.00.

- (iii) Kontraktor yang disenarai pendek **tidak mempunyai beban kontrak semasa (*ongoing contracts*) yang banyak**. Bagi kontraktor yang mempunyai beban kerja yang banyak di mana Jawatankuasa Perolehan RTP berpendapat bahawa ianya akan menjejaskan pelaksanaan projek, maka kontraktor tersebut tidak layak untuk disenarai pendek. Bagi tujuan ini, beban kontrak semasa hendaklah mengambil kira **semua kontrak yang sedang dilaksanakan** oleh kontraktor berkenaan sama ada kontrak tersebut dibiayai oleh **Kerajaan Negeri** atau **Persekutuan**;
- (iv) Kontraktor yang layak disenarai pendek hendaklah mempunyai **rekod prestasi yang baik dan memuaskan** untuk projek semasa dan lampau.
- (v) Kontraktor adalah **tidak layak disenarai pendek** sekiranya;
- Kontraktor pernah **ditamatkan kontrak** dalam tempoh tiga (3) tahun lepas; atau
 - Kontraktor mempunyai projek semasa di mana peratus kemajuan adalah tiga puluh (30%) **lewat jadual (*behind schedule*)**; atau
 - Kontraktor yang dikenakan tindakan kerana menarik diri setelah cabutan undi dibuat seperti di **perenggan 3.1.3**.

(b) Mengendalikan Proses Cabutan Undi

Jawatankuasa Perolehan RTP hendaklah mengendalikan proses Cabutan Undi mengikut tatacara yang ditetapkan seperti di **Lampiran A dan Lampiran A1 - A4**.

(c) Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan RTP

- (i) Jawatankuasa Perolehan RTP hendaklah mengadakan mesyuarat dengan kadar segera sekiranya terdapat permohonan cabutan undi daripada Agensi Pelaksana agar projek RTP dapat dilaksanakan dengan kadar segera dan disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.
- (ii) Jawatankuasa Perolehan RTP hendaklah menyediakan minit mesyuarat seperti berikut:
- Minit Mesyuarat keputusan senarai pendek kontraktor yang menyertai Cabutan Undi (*alasan bagi Kontraktor yang tidak disenarai pendek untuk cabutan undi hendaklah dinyatakan dengan jelas*); dan
 - Minit Mesyuarat selepas Cabutan Undi dibuat.

3.1.2.6 Kontraktor yang telah berjaya mendapat kerja secara cabutan undi tidak dibenarkan untuk menyertai cabutan undi seterusnya. Walau bagaimanapun, kontraktor tersebut boleh menyertai cabutan undi seterusnya sekiranya bilangan kontraktor yang berdaftar di Daerah tersebut **kurang berbanding dengan bilangan projek** yang hendak dilaksanakan. Ini bermaksud, Jawatankuasa Perolehan *RTP* adalah dibenarkan menggunakan senarai kontraktor di **Daerah yang sama sekali lagi** untuk cabutan undi yang seterusnya.

Walaupun bagaimanapun, Jawatankuasa *RTP* dibenarkan untuk menyenarai pendek kontraktor-kontraktor dari **Daerah-Daerah lain di Bahagian yang sama** dalam keadaan seperti berikut:-

- (a) Sekiranya semua kontraktor sedia ada yang telah dilantik di **Daerah yang sama** berkenaan mempunyai beban kerja sedia ada yang banyak (*ongoing contracts*) yang boleh menjejaskan pelaksanaan projek; atau
- (b) Sekiranya prestasi semua kontraktor sedia ada yang telah dilantik di **Daerah yang sama** berkenaan tidak memuaskan.

3.1.2.7 Jawatankuasa *RTP* juga dibenarkan untuk menyenarai pendek kontraktor-kontraktor dari **Daerah-Daerah lain di Bahagian yang sama** dalam keadaan seperti berikut:-

- (a) Sekiranya **tiada kontraktor** yang berdaftar dengan UPKJ di **Daerah** tersebut; atau
- (b) Sekiranya **terdapat kontraktor** yang berdaftar dengan UPKJ di **Daerah** tersebut tetapi tidak memenuhi syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan.

3.1.2.8 Jawatankuasa *RTP* juga dibenarkan untuk menyenarai pendek kontraktor-kontraktor dari **Bahagian yang lain** dalam keadaan seperti berikut:-

- (a) Sekiranya **tiada kontraktor** yang berdaftar dengan UPKJ di **semua Daerah di Bahagian** tersebut; atau
- (b) Sekiranya **terdapat kontraktor** yang berdaftar dengan UPKJ di **semua Daerah di Bahagian** tersebut tetapi tidak memenuhi syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan; atau
- (c) Sekiranya semua kontraktor sedia ada yang telah dilantik di **semua Daerah di Bahagian** tersebut mempunyai beban kontrak sedia ada yang banyak (*ongoing contracts*) yang boleh menjejaskan pelaksanaan projek; atau
- (d) Sekiranya prestasi semua kontraktor sedia ada yang telah dilantik di **semua Daerah di Bahagian** tersebut tidak memuaskan.

3.1.2.9 Skop kerja serta kos bagi setiap projek hendaklah disediakan **sebelum cabutan undi dibuat** oleh Agensi Pelaksana yang berkenaan. Agensi Pelaksana hendaklah memastikan kos yang disediakan adalah berpatutan dan munasabah.

3.1.3 **Tindakan Ke Atas Kontraktor Yang Menarik Diri Selepas Cabutan Undi Dibuat**

- (a) Sekiranya kontraktor menarik diri **selepas cabutan undi dibuat dan sebelum Surat Setuju Terima** dikeluarkan, maka kontraktor berkenaan tidak boleh disenaraikan untuk menyertai cabutan undi yang seterusnya bagi tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh cabutan undi tersebut dibuat.
- (b) Sekiranya kontraktor menarik diri **selepas cabutan undi dibuat dan selepas Surat Setuju Terima** dikeluarkan, maka kontraktor berkenaan tidak boleh disenaraikan untuk menyertai cabutan undi seterusnya bagi tempoh **dua belas (12) bulan** dari tarikh Surat Setuju Terima tersebut dikeluarkan. Bagi tujuan ini, Agensi Pelaksana hendaklah memaklumkan kepada Jawatankuasa Perolehan *RTP* Bahagian dengan segera sekiranya terdapat kontraktor yang menarik diri selepas cabutan undi dibuat dan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan untuk tujuan rekod dan rujukan bagi proses cabutan undi seterusnya.

3.2 **Secara Tender Terbuka Khusus Untuk Kontraktor Bumiputera**

3.2.1 **Had Nilai Tender Terbuka**

Semua perolehan projek *RTP* yang bernilai **melebihi RM 1 Juta** hendaklah dilaksanakan **SECARA TENDER TERBUKA KHUSUS UNTUK KONTRAKTOR BUMIPUTERA DI SELURUH NEGERI SARAWAK** oleh Agensi Pelaksana yang berkaitan.

3.2.2 **Had Nilai Kuasa Melulus Tender Terbuka Projek *RTP***

Bagi mempercepatkan pelaksanaan projek *RTP*, had nilai kuasa melulus yang diberi kuasa kepada **Lembaga Tender Bahagian** untuk mempertimbang dan meluluskan tender terbuka projek *RTP* adalah sehingga **RM 2 Juta**.

Manakala had nilai kuasa melulus **Lembaga Tender Pusat Negeri** untuk mempertimbang dan meluluskan tender terbuka projek *RTP* adalah **melebihi RM 2 Juta**.

- (a) Penyertaan dihadkan kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang mempunyai pendaftaran yang masih sah dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Bidang Kerja** di bawah **Kelas, Kepala dan Sub-Kepala yang berkaitan**.
- (b) Skop kerja serta kos bagi setiap projek hendaklah disediakan **sebelum tender dipelawa** oleh Agensi Pelaksana yang berkenaan. Agensi Pelaksana hendaklah memastikan kos yang disediakan adalah **berpatutan** dan **munasabah**.
- (c) Tender bagi Projek *RTP* hendaklah dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Tender seperti berikut:
- (i) **Semua Kementerian / Jabatan Negeri**
- Bagi tender yang bernilai **sehingga RM 2 Juta** hendaklah dibuka oleh **Jawatankuasa Pembuka Tender Bahagian**.
 - Bagi tender yang bernilai **melebihi RM 2 Juta** hendaklah dibuka oleh **Jawatankuasa Pembuka Tender Pusat Negeri**.
- (ii) **Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan**
- Tender dibuka oleh **Jawatankuasa Pembuka Tender Agensi masing-masing**.
- (d) Penilaian tender hendaklah disediakan dan dikemukakan oleh Agensi Pelaksana kepada **Lembaga Tender Bahagian / Lembaga Tender Pusat Negeri** selewat-lewatnya **tiga puluh (30) hari dari tarikh tutup tender** untuk pertimbangan dan keputusan. Contoh Format Laporan Penilaian Tender adalah seperti di **Lampiran C**.
- (e) Carta aliran proses perolehan secara tender terbuka adalah seperti di **Lampiran B**.

3.3 Pelantikan Perkhidmatan Juruperunding

- 3.3.1 Perkhidmatan Juruperunding boleh digunakan untuk melaksanakan projek *RTP* dan Agensi Pelaksana hendaklah memastikan peruntukan adalah mencukupi bagi menampung kos pelantikan juruperunding serta kos pelaksanaan projek tersebut.

3.3.2 Bagi Agensi Pelaksana Bukan Teknik yang tidak mempunyai pegawai teknikal yang layak boleh menggunakan perkhidmatan perunding tanpa merujuk Jabatan Teknik terlebih dahulu bagi mempercepatkan pelaksanaan projek RTP.

3.3.3 Semua permohonan perkhidmatan juruperunding hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan. Walau bagaimanapun, kuasa melulus pelantikan juruperunding bagi Badan-Badan Berkanun hendaklah mengikut garis panduan selaras dengan Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 09/2017.

3.3.4 **Bagi kerja-kerja ukur**, pelantikan juruperunding boleh **dilantik terus oleh Agensi Pelaksana** masing-masing.

3.3.5 Semua permohonan perkhidmatan juruperunding oleh Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Kementerian masing-masing selaras dengan peraturan yang ditetapkan di dalam ***The Local Authorities Financial Regulations 1997***.

3.4 **Kontrak Formal, Bon Pelaksanaan, Wang Tahanan dan Tempoh Tanggungan Kecacatan / Arahan Perubahan Kerja (*Variation Order*)**

3.4.1 Satu **kontrak formal** hendaklah dimeterai diantara Agensi Pelaksana dan kontraktor bagi **nilai kontrak melebihi RM100,000.00**. Agensi Pelaksana hendaklah memastikan pemberian kuasa telah diberikan kepada Pegawai Pengawal atau Pegawai Awam untuk menandatangani kontrak selaras dengan peraturan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

3.4.2 **Bon Pelaksanaan** hendaklah dikenakan ke atas kontrak kerja seperti berikut:-

- (a) Kontrak yang bernilai **melebihi RM100,000.00**. Kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak **lima peratus (5%) daripada jumlah harga kontrak**.
- (b) Tempoh Sah Laku Bon Pelaksanaan hendaklah dari tarikh berkuatkuasa kontrak sehingga **dua belas (12) bulan** selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.
- (c) Sekiranya kontraktor gagal untuk mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka Agensi Pelaksana hendaklah memotong nilai Bon Pelaksanaan tersebut daripada Bayaran Kemajuan (*Interim Payments*).

3.4.3 **Wang Tahanan (*Retention Money*)** tidak dikenakan ke atas projek RTP ini.

3.4.4 **Tempoh Tanggungan Kecacatan (*Defect Liability Period*)** adalah berdasarkan kepada peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa di Agensi masing-masing.

3.4.5 **Arahan Perubahan Kerja (*Variation Order*)** adalah tidak dibenarkan.

3.5 Rekod Prestasi Kontraktor Yang Melaksanakan Projek RTP

3.5.1 Selepas kontrak diawad, Agensi Pelaksana diwajibkan untuk merekod, memantau dan melengkapkan laporan prestasi kontraktor ke dalam selaras dengan ***Contractor Registration Information System (CoRIS)***, Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ), Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri di laman sesawang Kerajaan Negeri di alamat ***www.sarawak.gov.my*** selaras dengan Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri yang sedang berkuatkuasa.

3.5.2 Agensi Pelaksana hendaklah melapor seberapa segera kepada Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ), Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri sekiranya perkara-perkara berikut berlaku:-

- (a) Kontraktor menarik balik tender dalam tempoh sah laku tender selepas tarikh tutup dan sebelum keputusan dibuat; atau
- (b) Kontraktor menarik balik tender selepas tender mereka disetujui terima oleh Kerajaan; atau
- (c) Kontraktor enggan menandatangani kontrak setelah tender mereka disetujui terima oleh Kerajaan; atau
- (d) Keengganan kontraktor melaksanakan obligasi yang ditetapkan di dalam kontrak; atau
- (e) Kontrak ditamatkan disebabkan kegagalan kontraktor melaksanakan obligasi yang ditetapkan di dalam kontrak.

3.6 Kerja-Kerja Bekalan, Pengalihan dan *Capital Contribution* Utiliti Awam

- 3.6.1 Semua **bekalan dan kerja-kerja pengalihan utiliti awam (*service relocation*) untuk elektrik dan komunikasi boleh dilantik terus oleh Agensi Pelaksana** kepada pembekal tunggal iaitu Syarikat SESCO Berhad dan Telekom Malaysia Berhad. Agensi Pelaksana hendaklah memastikan harga yang ditawarkan oleh pembekal tunggal adalah berpatutan dan munasabah.
- 3.6.2 Semua **perkhidmatan *Capital Contribution*** berkaitan dengan kemudahan utiliti awam **boleh dilantik terus oleh Agensi Pelaksana** kepada pembekal perkhidmatan tersebut seperti Syarikat SESCO Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Jabatan Bekalan Air Luar Bandar, Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu, LAKU Management Sdn Bhd dan agensi lain yang berkaitan.

4.0 PENGUATKUASAAN

- 4.1 Surat Pekeliling ini digunapakai khusus untuk pelaksanaan ***Rural Transformation Projects (RTP)*** ini sahaja dan **tidak boleh digunapakai** bagi pelaksanaan projek-projek lain.
- 4.2 **Pihak Berkuasa Tempatan** yang berkaitan hendaklah mendapat kelulusan daripada **Menteri Bertanggungjawab** masing-masing untuk menerima pakai Surat Pekeliling ini selaras dengan peraturan 221, *The Local Authorities Financial Regulations 1997*.
- 4.3 Sebarang pengecualian daripada peraturan di dalam surat Pekeliling ini hendaklah mendapatkan **kelulusan terlebih dahulu daripada Setiausaha Kewangan Negeri secara bertulis** setelah dirujuk dan diperakukan oleh Jawatankuasa Perolehan *RTP*.
- 4.4 Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa dari tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan.

5.0 PEMBATALAN

Dengan penguatkuasaan Surat Pekeliling ini, maka Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Bil. 1/2017 bertarikh 23 Mac 2017 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



(DATO SRI AHMAD TARMIZI HAJI SULAIMAN)
Setiausaha Kewangan Negeri
SARAWAK

- s.k.:
1. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
 2. Pengarah, Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
 3. Pengarah Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri
 4. Akauntan Negeri, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

**PROSES PEROLEHAN SECARA CABUTAN UNDI UNTUK RTP
(SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS)**

BIL.	PROSES	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	TEMPOH
1.	Mengemukakan kepada Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian: 1.1 Senarai nama projek ;dan 1.2 Senarai nama kontraktor	Agensi Pelaksana	Agensi Pelaksana hendaklah memastikan: i. Senarai projek telah diluluskan oleh SPU. ii. Spesifikasi, BQ dan Anggaran Kos telah disediakan. iii. Menyemak senarai kontraktor UPKJ di dalam CoRIS serta meneliti: <ul style="list-style-type: none"> • Status pendaftaran UPKJ yang sah; • Beban kontrak semasa (<i>Ongoing Contracts</i>);dan • Rekod prestasi. iv. Mengemukakan cadangan senarai nama projek dan kontraktor kepada Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian setelah perkara (i) – (iii) di atas dipatuhi.	1 hari
2.	Menyenarai pendek kontraktor untuk menyertai cabutan undi	Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian	i. Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian hendaklah menilai semula senarai cadangan nama kontraktor yang dikemukakan oleh Agensi Pelaksana dan seterusnya menyenarai pendek kontraktor untuk menyertai cabutan undi setelah mengambil kira kriteria yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Status pendaftaran UPKJ yang sah; • Beban kontrak semasa (<i>Ongoing Contracts</i>); dan • Rekod prestasi. ii. Menyediakan SURAT JEMPUTAN kepada kontraktor yang telah disenarai pendek oleh Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian.	1 hari
3.	Mengeluarkan SURAT JEMPUTAN kepada kontraktor yang telah disenarai pendek	Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian	i. Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian mengeluarkan SURAT JEMPUTAN kepada kontraktor yang telah disenarai pendek. Contoh format surat jemputan seperti di Lampiran A2 boleh digunakan sebagai panduan . ii. SURAT JEMPUTAN tersebut hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:-	7 hari


LAMPIRAN A

BIL.	PROSES	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	TEMPOH
			<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor perlu mendapatkan BQ dan lukisan (jika berkaitan) daripada Agensi Pelaksana; • Kontraktor perlu membuat lawatan tapak (jika berkenaan); • Kontraktor dikehendaki untuk memilih projek yang ingin disertai dalam cabutan undi yang bersesuaian dengan lesen pendaftaran UPKJ; dan • Kontraktor dikehendaki untuk mengembalikan maklumat-maklumat berikut kepada Agensi Pelaksana: <ol style="list-style-type: none"> a. Senarai projek yang ingin disertai dengan menggunakan contoh format seperti di Lampiran A3 boleh digunakan sebagai panduan; dan b. Maklumat keupayaan kewangan dengan menggunakan contoh format seperti di Lampiran A4 boleh digunakan sebagai panduan. 	
4.	Menganalisa projek yang ingin disertai dan keupayaan kewangan kontraktor	Agensi Pelaksana	<p>Agensi Pelaksana hendaklah:-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menganalisa senarai nama projek yang ingin disertai oleh kontraktor; dan ii. Menilai keupayaan kewangan (had minimum modal). <p>Hasil analisa / penilaian hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian untuk perakuan dan kelulusan sebelum cabutan undi dibuat.</p>	10 hari
5.	Memperaku dan meluluskan hasil analisa projek yang ingin disertai dan keupayaan kewangan kontraktor yang disediakan oleh Agensi Pelaksana	Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian	Menyemak semula, memperaku serta meluluskan senarai muktamad kontraktor setelah mengambil kira keupayaan kewangan kontraktor.	
6.	Mengendalikan proses cabutan undi	Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian	<ol style="list-style-type: none"> i. Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian hendaklah menyemak maklumat-maklumat berikut semasa pendaftaran:- <ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tersebut telah disenarai pendek oleh Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian; 	1 hari

LAMPIRAN A

BIL.	PROSES	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	TEMPOH
			<ul style="list-style-type: none"> • Menyemak semula maklumat kewangan (had minimum modal); • Kad pengenalan asal pemilik / rakan kongsi / pegawai syarikat yang ditauliahkan seperti dalam sijil pendaftaran UPKJ; • Sijil Asal pendaftaran UPKJ; • Sijil Asal status bumiputera; dan • Cop rasmi firma / syarikat. <p>ii. Kontraktor yang tiba selepas masa yang ditetapkan tidak dibenarkan untuk mendaftar.</p> <p>iii. Hanya pemilik / rakan kongsi / pegawai syarikat yang ditauliahkan seperti dalam sijil pendaftaran UPKJ dibenarkan untuk mendaftar dan membuat cabutan undi.</p> <p>iv. Menentukan giliran cabutan undi berdasarkan urutan semasa pendaftaran.</p> <p>v. Taklimat cabutan undi oleh Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian.</p> <p>vi. Proses cabutan undi hendaklah dibuat dihadapan semua kontraktor yang hadir.</p> <p>vii. Cabutan undi dijalankan dan nama kontraktor yang berjaya direkodkan dalam slip keputusan.</p> <p>viii. Slip keputusan hendaklah dikemukakan SERTA MERTA kepada Agensi Pelaksana.</p> <p>ix. Nama kontraktor yang berjaya mendapat kerja/projek hendaklah direkod dan diminitkan oleh Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian.</p>	
7.	Mengeluarkan Surat Setuju Terima	Agensi Pelaksana	Mengeluarkan Surat Setuju Terima dengan SEGERA berdasarkan slip keputusan kepada kontraktor yang berjaya.	3 hari
JUMLAH HARI:				23 HARI

**PROSES PEROLEHAN SECARA CABUT UNDI UNTUK 'RTP'
(SEBELUM, SEMASA & SELEPAS)**



**CONTOH SURAT JEMPUTAN CABUTAN UNDI KEPADA
KONTRAKTOR YANG DISENARAI PENDEK**

Nama & Alamat
Pejabat Residen Bahagian

Ruj. Kami :
Tarikh :

Tuan / Puan,

**JEMPUTAN CABUTAN UNDI BAGI KONTRAK KERJA DI BAWAH "RURAL
TRANSFORMATION PROJECTS (RTP)" DI BAHAGIAN _____
SESI/SIRI NO _____ TAHUN _____**

Dengan segala hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa firma / syarikat Tuan / Puan telah disenarai pendek untuk menyertai cabutan undi bagi kerja / projek seperti **senarai yang dilampirkan**.

3. Sekiranya pihak Tuan / Puan berminat untuk menyertai projek tersebut yang bersesuaian dengan kelayakan lesen syarikat, Tuan / Puan dikehendaki untuk merujuk atau mendapatkan maklumat projek (Spesifikasi / BQ / Lukisan) daripada Agensi Pelaksana iaitu **Nama Agensi Pelaksana** bermula pada **Tarikh (Hari)**.

4. Pihak Tuan / Puan juga dikehendaki untuk mengemukakan **senarai projek yang ingin disertai** dan **maklumat kewangan (Had Minimum Modal)** dengan menggunakan contoh format seperti di **Lampiran _____ (Format seperti di Lampiran A3)** dan **Lampiran _____ (Format seperti di Lampiran A4)**.

5. **Senarai projek yang ingin disertai** dan **maklumat kewangan (Had Minimum Modal)** hendaklah dikembalikan kepada Agensi Pelaksana berkenaan selewat-lewatnya pada **Tarikh / Hari / Masa**.

6. Sehubungan itu, firma / syarikat Tuan / Puan adalah dijemput untuk menyertai cabutan undi bagi kerja / projek tersebut yang dijadualkan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:-

Tarikh :
Masa :
Tempat :

Walau bagaimanapun, jemputan untuk menyertai cabutan undi ini adalah tertakluk kepada syarat bahawa firma / syarikat Tuan / Puan mestilah memenuhi Had Minimum Modal yang ditetapkan. Jika firma / syarikat Tuan / Puan tidak memenuhi Had Minimum Modal seperti yang telah ditetapkan, maka firma / syarikat Tuan / Puan adalah **TIDAK LAYAK** untuk menyertai cabutan undi bagi kerja / projek tersebut.

7. Sebagai peringatan, hanya **pemilik / rakan kongsi atau pegawai syarikat yang ditauliahkan seperti dalam sijil pendaftaran UPKJ** sahaja dibenarkan mendaftar dan membuat cabutan undi. Tuan/Puan juga **diwajibkan** membawa bersama dan mengemukakan **dokumen-dokumen asal** semasa pendaftaran pada tarikh cabutan undi seperti berikut:-

- i. Kad Pengenalan Asal;
- ii. Sijil Asal Unit Pendaftaran Kontraktor & Juruperunding (UPKJ) yang masih sah;
- iii. Sijil Taraf Bumiputera (UPKJ) yang masih sah; dan
- iv. Cop Rasmi Syarikat.

8. Selain itu, kontraktor yang ingin menyertai cabutan undi hendaklah faham, akur dan mematuhi perkara-perkara berikut:

- i. Segala kos perbelanjaan bagi urusan / menghadiri cabutan undi adalah ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor sendiri;
- ii. Kontraktor yang menyertai cabutan undi tidak semestinya berjaya mendapat kerja / projek semasa cabutan undi berkenaan;
- iii. Kontraktor yang gagal mengemukakan / mengembalikan senarai projek yang ingin disertai dan maklumat kewangan (Had Minimum Modal) kepada Agensi Pelaksana adalah tidak layak dan tidak dibenarkan menyertai cabutan undi;
- iv. Kontraktor yang tidak memenuhi Had Minimum Modal seperti yang telah ditetapkan adalah **TIDAK LAYAK** dan tidak dibenarkan untuk menyertai cabutan undi bagi kerja / projek tersebut;
- v. Kontraktor yang tiba selepas masa yang ditetapkan adalah tidak dibenarkan untuk membuat pendaftaran dan tidak dibenarkan untuk menyertai cabutan undi dan sebarang rayuan tidak akan dilayan;
- vi. Kontraktor yang menarik diri selepas cabutan undi dibuat dan sebelum Surat Setuju Terima dikeluarkan adalah tidak dibenarkan untuk menyertai cabutan undi seterusnya bagi tempoh enam (6) bulan dari tarikh cabutan tersebut dibuat; dan
- vii. Kontraktor yang menarik diri selepas cabutan undi dibuat dan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan adalah tidak dibenarkan untuk menyertai cabutan undi seterusnya bagi tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh Surat Setuju Terima tersebut dikeluarkan.

9. Kerjasama daripada pihak Tuan / Puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

" BERSATU BERUSAHA BERBAKTI "
" AN HONOUR TO SERVE "

.....
Residen Bahagian
Merangkap
Pengerusi, Jawatankuasa Perolehan RTP (...Tahun...) (...Bahagian...)

SENARAI PROJEK YANG INGIN DISERTAI UNTUK CABUTAN UNDI 'RTP'

(Nama Agensi Pelaksana)

Daerah :

Bahagian :

Bil	Diisi oleh Agensi Pelaksana					Diisi oleh Kontraktor	
	Nama Projek	Kos Projek (RM)	Kategori	Kelas Pendaftaran UPKJ yang diperlukan	* Had Minimum Modal yang diperlukan (RM)	Tandakan mana yang berkenaan	
						Berminat (✓)	Tidak Berminat (✓)
1							
2							
3							

* **Nota:** Contoh pengisian borang di atas adalah seperti dilampirkan

Saya / kami , dengan ini faham, akur dan bersetuju bahawa:

- i. Segala kos perbelanjaan bagi urusan / menghadiri cabutan undi adalah ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor sendiri;
- ii. Kontraktor yang menyertai cabutan undi tidak semestinya berjaya mendapat kerja/projek semasa cabutan undi berkenaan;
- iii. Kontraktor yang gagal mengemukakan / mengembalikan senarai projek yang ingin disertai dan maklumat kewangan (Had Minimum Modal) kepada Agensi Pelaksana adalah tidak layak dan tidak dibenarkan menyertai cabutan undi;
- iv. Kontraktor yang tidak memenuhi Had Minimum Modal seperti yang telah ditetapkan adalah TIDAK LAYAK dan tidak dibenarkan untuk menyertai cabutan undi bagi kerja / projek tersebut;
- v. Kontraktor yang tiba selepas masa yang ditetapkan adalah tidak dibenarkan untuk membuat pendaftaran dan tidak dibenarkan untuk menyertai cabutan undi dan sebarang rayuan tidak akan dilayan;
- vi. Kontraktor yang menarik diri selepas cabutan undi dibuat dan sebelum surat Setuju Terima dikeluarkan adalah tidak dibenarkan untuk menyertai cabutan undi seterusnya bagi tempoh enam (6) bulan dari tarikh cabutan undi tersebut dibuat; dan
- vii. Kontraktor yang menarik diri selepas cabutan undi dan selepas surat Setuju Terima dikeluarkan adalah tidak dibenarkan untuk menyertai cabutan undi seterusnya bagi tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh cabutan tersebut dibuat.

.....
(Tandatangan oleh)

Pemilik Syarikat / Rakan Kongsi / Pegawai Syarikat Yang Ditauliahkan Seperti Dalam Sijil Pendaftaran UPKJ

Nama Penandatangan :

No. Kad Pengenalan:

Nama Syarikat :

Cop Syarikat :

Lampiran A3

CONTOH PENGISIAN BORANG SENARAI PROJEK YANG INGIN DISERTAI UNTUK CABUTAN UNDI 'RTP'

(Nama Agensi Pelaksana)

Daerah :

Bahagian :

Diisi oleh Agensi Pelaksana						Diisi oleh Kontraktor	
Bil	Nama Projek	Kos Projek (RM)	Kategori	Kelas Pendaftaran UPKJ yang diperlukan	* Had Minimum Modal yang diperlukan (RM)	Tandakan mana yang berkenaan	
						Berminat (✓)	Tidak Berminat (✓)
1	Membina Bangunan A	90,000.00	1	Kelas F	1,500		
2	Menaik Taraf Jalan A	95,000.00	1	Kelas F			
3	Menaik Taraf Jalan B	98,000.00	1	Kelas F			
4	Menaik Taraf Jalan C	150,000.00	2	Kelas EX	4,500		
5	Menaik Taraf Jalan D	160,000.00	2	Kelas EX			

* **Nota:** Sila rujuk penetapan had minimum modal seperti di perenggan 3.1.2.5 (a) (ii) di dalam Surat Pekeliling ini.


MAKLUMAT KEWANGAN

No.	MAKLUMAT KEWANGAN (FINANCIAL DETAILS)	AMAUN (AMOUNT)
